

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG**  
**(ALOR GAJAH)**  
**TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)**  
**NO. SOALAN : 86**

**Datuk Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status proses liberalisasi "Approved Permit" atau AP daripada segi kategori terbuka dan kategori francais bagi lebih memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk menyertai sektor automotif.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 23 Disember 2015, Kerajaan telah mengumumkan bahawa dasar AP Terbuka akan diteruskan tetapi dengan beberapa penambahbaikan. Salah satu penambahbaikan yang akan dilaksanakan ialah memberi peluang kepada syarikat-syarikat Bumiputera baharu yang layak dan benar-benar mematuhi garis panduan yang ditetapkan untuk turut serta

dalam perniagaan ini. Dasar baharu AP Terbuka ini akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017.

Mulai 2012, Kerajaan juga telah membenarkan pengimportan kenderaan jenama baharu di bawah sistem AP Francais kepada syarikat-syarikat baharu dan sedia ada yang mempunyai perjanjian Francais yang eksklusif dengan syarikat pengeluar.

Tuan Yang Di Pertua,

Sistem AP Terbuka dan Francais yang dilaksanakan oleh Kementerian ini akan sentiasa dinilai dari masa ke semasa supaya ianya sentiasa memberi manfaat kepada negara, termasuk membuka peluang kepada lebih ramai rakyat Malaysia untuk menyertai sektor automotif.